



PERBADANAN LABUAN

Wisma Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan

Tel: 087-408600/087-408601 Faks: 087-428997/087-419400/087-426803

Laman Web: www.pl.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

5,000 WARGA LABUAN MEMERIAHKAN KARNIVAL SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

LABUAN, 16 Februari 2019 – 5,000 warga Labuan mengambil bahagian di dalam Karnival Sukan WP Labuan hari ini sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019. YB Tuan Haji Khalid Abd Samad, Menteri Wilayah Persekutuan turut menyertai Karnival Sukan Wilayah Persekutuan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan.

Antara acara sukan yang diadakan adalah seperti *Fun Walk & Run*, *Fun Ride*, *Mini Marathon Kayak Race*, Bola Tampar Pantai, Petanque Pantai, e-Sport, Aerobik Pantai dan *Explorace FT* telah mendapat penyertaan daripada pelbagai peringkat umur dari kanak-kanak, remaja dan dewasa. Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Labuan dan Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan yang merupakan penganjur bersama turut mencari bakat-bakat baharu untuk digilap sebagai atlet Wilayah Persekutuan.

Aktiviti sukan yang diadakan ini juga menjadi ruang kepada ahli keluarga dan penduduk setempat untuk menghabiskan masa berkualiti bersama keluarga. Masalah komunikasi dalam keluarga yang kian meruncing masa kini dilihat akibat penggunaan gadget secara berlebihan dalam kalangan keluarga. Oleh itu, melalui aktiviti bersukan dapat memperbaiki komunikasi dengan lebih berkesan.

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan akan terus merancang pelbagai program yang lebih kreatif untuk menarik penglibatan komuniti setempat menerusi peringkat umur dan generasi dalam aktiviti bersukan. Penganjuran aktiviti-aktiviti sukan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti negara kerana mempunyai tahap kesihatan rakyat yang tinggi.

Program seumpama ini akan terus diadakan pada Sambutan Hari Wilayah Persekutuan akan datang berikutan sambutan penyertaan yang baik daripada warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Korporat

Perbadanan Labuan

16 Februari 2019